

25 JAN 2002

Sukan-Kart

PASUKAN MALAYSIA HARAP KELEBIHAN GELANGGANG SENDIRI

LANGKAWI, 25 Jan (Bernama) -- Kelebihan berlumba di gelanggang sendiri akan menjadi sandaran kepada pemandu tempatan untuk layak ke peringkat akhir kejohanan Kart Rotax Max Grand Final di litar kart Morac di sini.

Pemandu utama Malaysia, Ferhan Fauzy berkata berdasarkan kelebihan itu, peluang Malaysia untuk ke peringkat akhir adalah agak cerah.

"Kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai sasaran itu", katanya selepas mengadakan sesi latihan bebas di litar Morac di sini bagi menghadapi kejohanan yang bermula esok.

Seorang lagi peserta negara, Raja Razman Raja Idris pula mengharapkan sokongan peminat tempatan bagi menguatkan semangatnya.

Pasukan Malaysia turut diwakili oleh seorang pemandu berasal dari Australia, Martin Druhan. Pelumba itu kini menetap di Kuala Lumpur.

Sementara itu, kesemua 75 pelumba dari 31 negara, kecuali seorang wakil Jerman telah mendaftar diri bagi perlumbaan esok.

Pengurus litar Morac, Nik Bazirah Nik Ismail berkata pemandu Jerman yang belum tiba itu ialah Alexander Seitter.

"Penganjur tidak diberitahu sebab beliau tidak dapat hadir walaupun tiket kapal terbang telah dihantar," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melepaskan para pelumba pada perlumbaan Ahad ini.

-- BERNAMA

ZI NH MOZ